

Ibarat tentang pengampunan

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 18:21-35](#).

²¹Petrus datang mendapatkan Isa lalu bertanya, 'Junjungan, jika saudaraku berdosa terhadapku, berapa kalikah harus kuampuni dia? Sehingga tujuh kali?'

²²Isa menjawab, 'Bukan tujuh kali. Tujuh puluh kali tujuh kali.'

²³'Kerana kerajaan syurga seperti berikut: Seorang raja hendak menyelesaikan kira-kira dengan para hambanya. ²⁴Salah seorang hambanya yang berhutang sebanyak lima puluh juta keping wang perak dibawa mengadapnya. ²⁵Hamba itu tidak dapat menjelaskan hutangnya. Oleh itu, raja memerintahkan supaya hamba itu dijual bersama anak isteri dan harta bendanya untuk membayar hutang itu.

²⁶'Hamba itu menyembah dan merayu, "Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan hutang itu." ²⁷Raja itu berasa kasihan kepadanya lalu menghapuskan segala hutangnya dan membebaskannya.

²⁸'Tetapi ketika hamba itu keluar, dia menemui seorang hamba lain yang berhutang seratus keping wang perak kepadanya. Dia menangkap dan hendak mencekik rakannya itu sambil berkata, "Bayar semua hutangmu."

²⁹'Rakannya itu menyembah dan merayu, "Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan hutangku."

³⁰'Tetapi hamba itu tidak mempedulikan rayuan rakannya. Malah dia memerintahkan supaya rakannya dipenjarakan sehingga menjelaskan hutangnya. ³¹Hamba-hamba lain dukacita melihatnya lalu mengadukan hal itu kepada raja.

³²'Raja pun memanggil hamba yang tidak berhati perut itu lalu berkata, "Sungguh kejam perbuatanmu! Aku telah menghapuskan segala hutangmu kerana kamu merayu supaya aku mengampunimu. ³³Bukankah sepatutnya kamu mengasihani rakanmu sebagaimana aku mengasihanimu?" ³⁴Dengan murkanya raja menitahkan supaya hamba yang tidak berperikemanusiaan itu dipenjarakan dan dihukum sehingga semua hutangnya dibayar.

³⁵'Begitulah Bapa-Ku yang di syurga akan memperlakukan setiap orang daripadamu yang tidak mengampuni saudaranya dengan ikhlas.'